


Lindungi anak anda dengan vaksin BCG

Apakah itu TB (tuberkulosis)?



TB merupakan jangkitan yang merebak melalui udara dan menjangkiti terutamanya paru-paru. TB boleh dirawat tetapi rawatan boleh mengambil masa yang lama.

TB menjangkiti terutamanya paru-paru tetapi TB boleh menjangkiti bahagian badan yang lain. Kanak-kanak kecil lebih berkemungkinan dijangkiti TB pada bahagian badan yang lain, seperti otak (meningitis TB). TB biasanya boleh dirawat menggunakan ubat yang sesuai, tetapi rawatan mengambil masa yang lama.

Siapakah yang memerlukan vaksin BCG?

Vaksin BCG memberikan perlindungan daripada TB. Di Ireland, kebanyakan kanak-kanak tidak memerlukan vaksin BCG kerana TB bukan lagi sesuatu yang biasa dijangkiti.

Kami menawarkan BCG kepada kanak-kanak berumur kurang 12 bulan yang berisiko lebih tinggi untuk mendapat TB. Kanak-kanak ini merupakan kanak-kanak berumur kurang 12 bulan yang:

- tinggal dengan seseorang yang lahir di negara yang mempunyai kadar TB yang tinggi.
- lahir atau tinggal selama lebih daripada tiga bulan di negara yang mempunyai kadar TB yang tinggi dan belum mendapat vaksin BCG.
- lahir daripada ibu bapa atau sentiasa bersama orang yang menghidap TB yang belum dirawat.

Anda boleh menemukan semua negara yang mempunyai kadar TB yang tinggi dengan melawati laman web Pertubuhan Kesihatan Sedunia:

- www.who.int/health-topics/tuberculosis

Dari masa ke masa, kanak-kanak lain mungkin disyorkan untuk mendapatkan vaksin BCG - penyedia penjagaan kesihatan anda akan menasihati anda tentang perkara ini.



Siapakah yang tidak harus mendapatkan vaksin BCG?

Sesetengah kanak-kanak tidak harus mendapatkan vaksin BCG. Jururawat atau doktor akan berbincang dengan anda sebelum vaksinasi untuk memastikan bayi anda sesuai untuk vaksin BCG.

Jika anak anda tidak sihat, tangguhkan vaksinasi.

Jika anak anda tidak sihat dan bersuhu tinggi (melebihi 38 darjah Celsius), anda harus menangguhkan vaksinasi BCG sehingga anak anda sihat.

Jika anda tidak pasti jika bayi anda perlu divaksin, tanya doktor atau jururawat anda: **“Adakah bayi saya memerlukan vaksin BCG?”**


Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lawati hse.ie/bcg

Plain English
Approved by NALA



Sebelum vaksinasi

Ujian cucuk tumit untuk bayi



Ibu bapa semua bayi yang lahir di Ireland ditawarkan ujian cucuk tumit untuk bayi mereka dalam masa seminggu selepas bayi dilahirkan.

Ibu bapa bayi yang pindah ke Ireland semasa bayi mereka berumur kurang 12 bulan juga ditawarkan ujian cucuk tumit untuk bayi mereka.

Ujian ini memeriksa sesetengah keadaan perubatan yang serius termasuk keadaan yang menjejaskan sistem imun. Kami perlu memeriksa hasil ujian ini sebelum kami boleh memberi bayi anda vaksin BCG.

Uji jika bayi atau anak anda yang lebih besar mungkin terdedah kepada TB

Bayi anda harus menjalani ujian sebelum menerima vaksin BCG, jika dia:

- dilahirkan di negara yang mempunyai kadar TB yang tinggi.
- tinggal di negara yang mempunyai kadar TB yang tinggi selama lebih daripada 3 bulan.
- merupakan kontak kes TB yang belum dirawat.

Ujian ini memeriksa sama ada bayi sudah pun dijangkiti oleh TB atau tidak.



Adakah saya perlu menangguhkan vaksin kanak-kanak yang lain jika anda saya mendapat BCG?

Tidak. Kami boleh memberikan vaksin kanak-kanak pada bila-bila masa selepas vaksin BCG. Anda tidak harus menangguhkan pengaturan vaksin untuk anak anda.

Jika anak yang lebih besar memerlukan vaksin lain dalam masa 3 bulan selepas mendapat BCG, dia harus mendapatkan vaksin pada lengan lagi satu.



Pelaporan kesan sampingan

Jika anda berpendapat bahawa anda atau anak anda mengalami kesan sampingan selepas menerima vaksin, anda boleh membuat laporan kepada Pihak Berkuasa Kawal Selia Produk Kesihatan (HPRA) di www.hpra.ie. Doktor, jururawat atau ahli farmasi anda atau ahli keluarga juga boleh melaporkan kesan sampingan kepada HPRA.